

'Mansuh, pinda akta perlu kajian mendalam'

mlb: 3

BH - 4/12/2019

Penuhi keperluan menjaga hak kepentingan, keselamatan negara: PM

Oleh Mohd Azrone sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pindaan atau pemansuhan sesuatu akta perlu dikaji secara mendalam kerana prinsip asal akta itu digubal dan diluluskan Dewan Rakyat ialah untuk menjaga hak, kepentingan dan keselamatan rakyat secara keseluruhan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berhasrat memperkemas beberapa akta dikenal pasti melalui pemansuhan menyeluruh atau pindaan peruntukan tertentu bagi memastikan wujud keseimbangan antara keperluan menjaga hak serta kepentingan dan keselamatan negara dengan hak asasi manusia serta prinsip keadilan diinginkan rakyat.

"Ya perlu dilaksanakan selepas kajian mendalam supaya negara dapat ditadbir dengan baik dan kemakmuran dikecapi bersama," katanya menjawab soalan Datuk

Seri Dr Edmund Santhara (PH-Segamat) pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Dr Mahathir berkata, undang-undang yang perlu dikaji, dipinda atau dimansuh ialah Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

Dr Santhara bertanya mengenai status pemansuhan beberapa akta drakonian yang masih wujud di Malaysia dan apakah status pemansuhan akta berkenaan.

Dr Mahathir berkata Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, digubal dan diluluskan bertujuan menentang perbuatan subversif dan tindakan memudaratkan ketenteraman awam.

Kementerian Dalam Negeri terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpendirian, SOSMA masih diperlukan dalam menge-



Dr Mahathir pada sidang media di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

kalkan ketenteraman awam, menjamin keselamatan dan membendung aktiviti jenayah di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, wujud ruang penyalahgunaan akta itu untuk kepentingan pihak tertentu, sekali gus menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat.

"Sebagai kerajaan bertanggungjawab, kita akan mengambil kira keresahan itu tanpa mengepikan keperluan keselamatan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan seperti mana janji Manifesto Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum lalu, sudah mengenal pasti beberapa undang-undang yang perlu dikaji, dipinda atau dimansuhkan.

Undang-undang berkenaan merangkumi Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

Sehubungan itu, katanya, ke-

menterian berkaitan dengan dibantu Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan susulan sewajarnya.

"Ini menunjukkan kerajaan tidak mengabaikan janji yang dibuat, malah meneliti setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan secara terperinci sebelum keputusan meminda atau memansuhkan dimuktamadkan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Dr Santhara berhubung mereka yang secara tidak sengaja mengambil gambar dengan penggan, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedia mengkaji penggubalan undang-undang yang memisahkan jenayah ringan dan berat.

Bagaimanapun, katanya, ia tertakluk kepada kesalahan yang dilakukan termasuk jenayah ringan berkenaan tidak membawa kemudaratan dan mengancam keselamatan negara.

Menjawab soalan tambahan Kesavan Subramaniam (PH-Sungai Siput) berhubung kerajaan terdahulu didakwa memberikan bantuan kepada Tamil Sri Lanka pada 2012 akibat pengusiran mereka, Perdana Menteri belum mempunyai maklumat mengenainya.

"Jika YB Sungai Siput ada bukti, sila kemukakan dan sudah tentu pihak polis akan melakukan penyiasatan," katanya.

Ikuti temu bual eksklusif bersama Perdana Menteri dalam BH esok. Tun Dr Mahathir Mohamad antara lain menyentuh isu pemerikasaan Melayu/Bumiputera, kebimbangan terhadap perpecahan Melayu serta kepentingan suara orang muda dalam mencorak hala tuju negara.